

23 FEB 2001

Fong-ICT

SYARIKAT KECIL DIGALAK DAFTAR DENGAN MPSM UNTUK MANFAAT PROGRAM ICT

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Syarikat-syarikat kecil yang mempunyai pekerja kurang daripada 50 orang digalakkan mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) bagi membolehkan pekerja mereka mendapat manfaat Skim Latihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk Pekerja.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata kementerian berharap majikan syarikat-syarikat kecil berkenaan menunjukkan inisiatif untuk berdaftar supaya pekerja mereka dapat mengikuti skim latihan ICT dan mempertingkatkan lagi kemahiran serta produktiviti mereka.

"Kita memberi mereka pilihan sama ada mahu menyertai (MPSM) atau tidak tetapi kita harap lebih banyak syarikat kecil ini menyertainya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan skim latihan ICT untuk pekerja anjuran MPSM di sini hari ini.

Beliau berkata bagi majikan industri kecil dan sederhana yang telah mendaftar dengan MPSM mereka boleh menghantar pekerja mereka untuk menikmati 351 program latihan ICT yang disediakan oleh 24 penyedia latihan di seluruh negara.

Fong berkata daripada 7,000 majikan yang berdaftar dengan MPSM, 4,500 merupakan syarikat industri kecil dan sederhana, dan kesemua pekerja mereka layak mengikuti latihan itu.

Menurut beliau yuran latihan itu akan ditanggung sepenuhnya oleh MPSM dengan peruntukan awal RM5 juta.

Fong berkata kerajaan bersedia untuk menambah peruntukan itu RM5 juta lagi sekiranya program berkenaan mendapat sambutan.

Beliau berkata melaluinya pekerja dapat mempertingkatkan kemahiran komputer dan pengetahuan dalam bidang teknologi selaras dengan usaha kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai K-Pekerja melalui pelbagai program yang disediakan termasuk E-Latihan.

"Melalui E-Latihan, pekerja boleh mengikuti latihan mengikut kelapangan dan keselesaan masing-masing tanpa menjejaskan waktu operasi syarikat kerana ia menawarkan latihan secara virtual dan interaksi terus antara penyedia latihan dan pekerja," katanya.

Fong berkata untuk melaksanakan E-Latihan itu, kementerian mendapat kerjasama Universiti Multimedia.

"Kita hanya berharap para majikan dapat menggalakkan pekerja mereka mengikuti latihan itu kerana sekiranya mereka tidak berbuat demikian, pekerja mereka akan ketinggalan daripada segi kemahiran dan pengetahuan teknologi dan sukar untuk bersaing," katanya.

Kementerian itu menganjurkan perhimpunan ICT Sabtu lepas di Stadium Putra, Bukit Jalil yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertujuan mempertingkatkan literasi ICT di kalangan masyarakat Malaysia.

Fong berkata kementerian akan mempergiatkan usaha meningkatkan kesedaran tentang pentingnya ICT dan kempen kesedaran kedua akan dilancarkan di Melaka pada 1 Mac.

Terdahulu dalam ucapannya, Fong berkata sejak tahun 1993 hingga Januari tahun lepas, sejumlah 333,891 tempat latihan telah diluluskan untuk kursus-kursus berkaitan komputer dan jumlah bantuan kewangan yang diluluskan pula ialah sebanyak RM116 juta.

Beliau berkata bagi tempoh yang sama juga sejumlah RM15 juta telah diluluskan untuk tujuan pembelian komputer dan latihan berbantu komputer

bagi memberi kemudahan kepada majikan melatih pekerja mereka dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

"Saya yakin bahawa strategi untuk melengkapkan pekerja dengan kemahiran ICT secara menyeluruh akan menjadi pemangkin untuk mempercepatkan proses mewujudkan lebih ramai K-Pekerja untuk menyahut cabaran K-Ekonomi pada masa akan datang," katanya.

-- BERNAMA

ZAI AR NMO